

MULTIMEDIA INTERAKTIF MEMPERTINGKATKAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURSUS BAHASA MELAYU PENGURUSAN (SBLM 1053) DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Nor Hafidah Ibrahim

norhafidah@uum.edu.my

Melor Fauzita Md. Yusoff

fauzita@uum.edu.my

Norzaliza Ghazali

zaliza@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK: Kertas kerja ini akan meneliti meneliti keberkesanannya inovasi pengajaran dan pembelajaran berbantuan kemudahan internet. Analisis dijalankan ke atas pelajar-pelajar yang mengikuti kursus SBLM1053 Bahasa Melayu Pengurusan. Analisis ini dideskripsi dalam bentuk kualitatif. Kaedah utamanya adalah mengumpul data daripada 40 orang pelajar dengan mempraktikkan amalan PdP berdasarkan teknik pengajaran berbantuan kemudahan internet. Penggunaan teknologi terkini dan interaktif seperti muat turun video aplikasi *youtube*, paparan rakaman video, aplikasi menggunakan *ipad* dan lain-lain diaplikasikan semasa sesi PdP. Dapatkan mendapat teknik PdP berbantuan kemudahan internet amat berkesan dan berjaya mewujudkan suasana yang lebih berinovasi. Bantuan daripada internet serta panduan daripada pensyarah juga memudahkan pelajar terutama ketika mencari bahan serta maklumat berkaitan kursus serta ketika melakukan pembentangan.

KATA KUNCI - inovasi PdP, internet, SBLM1053

PENGENALAN

Aplikasi komputer meliputi berbagai-bagai aspek termasuklah urusan pentadbiran serta pengajaran dan pembelajaran. Perkembangan teknologi membantu pensyarah untuk meningkatkan cara dan kaedah pengajaran. Pengajaran bagi kursus Bahasa Melayu Pengurusan (SBLM 1053) merupakan kursus 3 jam kredit.

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar yang bakal menjadi pengurus tentang tatacara berurusan dengan menggunakan bahasa Melayu dalam bidang pengurusan. Tumpuan diberikan kepada penguasaan kemahiran bahasa dan komunikasi dalam pelbagai bidang organisasi. Pada akhir kursus, pelajar akan mampu menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan melalui pelbagai pendekatan dengan pihak-pihak yang berkepentingan.

Penggunaan teknologi yang canggih dan interaktif seperti muat turun video aplikasi *youtube*, paparan rakaman video, aplikasi menggunakan *ipad* dan lain-lain. Pengajaran bahasa memerlukan pensyarah yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan supaya pengendalian kuliah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pensyarah memainkan peranan penting dalam menjana pemikiran para pelajar untuk mempunyai daya imaginasi yang tinggi atau keupayaan melakukan penakulan.

Menurut Azizi Yahya (2010) interaksi guru dengan pelajar dengan persekitaran harmoni lagi mempunyai kemudahan pembelajaran. Multimedia digunakan sama ada dalam aplikasi pembelajaran, latihan, permainan komputer, dan sebagainya. Selain itu, tapak web untuk pembelajaran, persempahan video dan sebagainya dengan mudah dapat dicapai di internet. Perkakasan multimedia digunakan untuk membina aplikasi multimedia dan mempersembahkan aplikasi multimedia tersebut. Antara perkakasan multimedia yang perlu untuk membangun dan mempersembahkan aplikasi multimedia ialah komputer, pemancar multimedia, pengimbas kamera digital, dan video digital.

PENYATAAN MASALAH

Pembelajaran bahasa dijalankan secara interaktif dan kolaboratif dan bentuk pengajaran dapat menghasilkan pelajar yang sedia menganalisis maklumat secara kritis. Perubahan dan kaedah pengajaran bahasa sudah tentu berlaku. Misalnya penggunaan pendekatan E- pembelajaran tlah bermula sekitar tahun 1970-an dengan pelbagai istilah seperti *on-line learning*, *virtual learning* atau *web-based learning*. Semua merujuk kepada penggunaan komputer dalam pembelajaran dan melakukan akses pelbagai maklumat dari internet. Terdapat faktor-faktor yang mengalami pemasalahan apabila teknologi maklumat diaplikasikan di dalam pengajaran bahasa.

Perisian mengarang multimedia adalah perisian khusus yang digunakan untuk membina persempahan multimedia. Perisian ini membenarkan penggunaan mengabungkan teks, grafik, animasi, audio, dan video ke dalam aplikasi. Pembelajaran di Universiti Utara Malaysia ada yang mungkin menggunakan bahan atas talian semasa kuliah sebagai tambahan kepada tugas tradisional, ada yang menggunakan bahan atas talian sebelum kuliah secara ‘pacuan atas talian’ yang kini popular dengan panggilan ‘flipping’ atau ‘flipped classroom’.

Para pelajar selalunya menggunakan sistem pengurusan pembelajaran (LMS) untuk menempatkan bahan PdP yang berbeza. Dalam kelas tradisional, pengajar menggunakan masa kuliah untuk memberi kuliah dan mengedar bahan-bahan sokongan. Pelajar menggunakan bahan tersebut dan menyiapkan tugas di rumah, mengikut masa mereka. Oleh yang demikian, dengan teknologi yang moden ini banyak membantu pelajar itu sendiri untuk menghasilkan tugas mereka dengan lebih berkesan, cepat dan berinovasi. Teknologi seperti ini memberi ruang kepada mereka untuk lebih berfikiran terbuka dan kreatif.

Dengan adanya pendedahan pembelajaran kepada penggunaan multimedia sebegini maka pelajar harus mendalami ilmu pengetahuan mereka untuk menguasai teknologi ini dengan lebih efektif. Kajian Doyle (2007), dan Azizi (2009) iaitu pembelajaran menggunakan multimedia lebih berkesan dan sesuai diaplikasikan dalam mana-mana matapelajaran malah amat mudah digunakan untuk menerangkan sesuatu pembelajaran.

Sebelum ini terdapat kajian yang pernah dijalankan oleh beberapa orang penyelidik berdasarkan kecenderungan mereka untuk menyelidik perkara berkaitan dengan penggunaan multimedia di dalam kelas dan di sekolah.

Terdapat kajian bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru terhadap penggunaan perisian multimedia dalam proses pembelajaran dan pengajaran matapelajaran Kemahiran Hidup di sekolah jenis kenbangsaan cina. Dalam kajian tersebut menyatakan tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu, persepsi guru terhadap penggunaan perisian multimedia dan kekangan yang dihadapi oleh guru semasa penggunaan perisian multimedia.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Abdul Rashid Jamian dan rakan (2012) adalah berkaitan multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid PROBIM. Mereka mengkaji

bagaimana multimedia ini memberi kesan kepada pelajar di bawah Program Bimbingan Membaca dan Menulis. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, didapati bahawa murid-murid PROBIM bersetuju bahawa penggunaan multimedia membantu mereka mengenal huruf-huruf abjad dan juga mengenal vokal dan konsonan.

Dalam hal ini, pengajaran bahasa terutamanya memerlukan pendekatan atau kaedah yang terbaik dalam menghasilkan pelajar yang mampu menguasai teknologi dan dalam masa yang sama dapat membina ilmu pengetahuan dalam bidang pembelajaran dan pengajaran bahasa. Sehubungan itu, pelajar sebagai pengguna bahasa akan memilih unsur-unsur bahasa yang terbaik daripada pelbagai pilihan yang ada.

Untuk membolehkan seseorang pengguna menjadi penutur yang berkesan maka pendidik perlu memberi pendedahan ilmu yang terbaik dalam proses pembelajaran dan pengajaran di universiti. Oleh itu, sikap positif tenaga pengajar terhadap keupayaan ICT dalam menyokong pembelajaran amat penting bagi menjana ilmu serta menyampaikan ilmu tersebut.

TUJUAN KAJIAN

Hampir semua kolej dan universiti telah disediakan dengan kemudahan internet bagi membolehkan pelajar dan pensyarah untuk mencari bahan-bahan bagi membantu mereka dalam pembelajaran dan penyelidikan. Pembelajaran berbantuan multimedia ini sebenarnya memberi kesan yang positif kepada tenaga pengajar dan pelajar itu sendiri. Pendekatan pembelajaran multimedia interaktif yang baik menggunakan teknologi untuk membantu setiap pelajar memperoleh ilmu kemahiran yang diperlukan. Selain itu, membolehkan pengajar atau pensyarah melaksanakan PdP berkesan melalui perancangan kuliah. Pembelajaran ini membolehkan interaksi yang lebih mendalam dan bermakna antara pelajar dengan pengajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran berbantuan kemudahan internet.
2. Meneliti keberkesanan inovasi pengajaran dan pembelajaran berbantuan kemudahan internet.

SKOP KAJIAN

Banyak kemudahan yang disediakan di kolej dan institusi pengajian tinggi seperti menyediakan CD yang mengandungi bahan rujukan dan bantuan belajar multimedia dalam bentuk interaktif yang lebih menarik daripada membaca buku teks.

Penggunaan IT telah meluas digunakan sama ada di hospital, sekolah dan pusat pentadbiran. Pembelajaran yang berkaitan dengan penggunaan multimedia interaktif ini memberi kesan yang memberangsangkan kepada tenaga pengajar seperti pensyarah dan pelajar itu sendiri.

Dalam hal ini kajian memberi fokus kepada tenaga pengajar dan juga pelajar dalam menghadapi situasi pembelajaran dan pengajaran yang berkesan. Tumpuan diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus ini bagi memperolehi kemahiran dan berpengetahuan dalam pembelajaran bahasa. Dalam kajian ini, tumpuan hanya diberikan kepada pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Melayu Pengurusan sahaja. Pelajar yang terlibat adalah seramai 40 orang dalam satu kelas.

DAPATAN KAJIAN

Kaedah kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kajian kualitatif. Berdasarkan kepada keputusan minat menggunakan komputer dalam kalangan pelajar adalah memuaskan. Seramai 38 orang pelajar iaitu (95%) berminat dalam mengendalikan komputer. Daripada jumlah tersebut kebanyakannya menyatakan bahawa komputer berperanan dalam menghasilkan tugas penulisan mereka.

Selain itu perisian multimedia membantu mereka menghasilkan persembahan yang lebih menarik dalam pembentangan kumpulan. Dapatan kajian jelas berdasarkan kepada nilai tertinggi iaitu (70%) dalam menghasilkan persembahan menarik dan kreatif. Ini diikuti dengan perisian multimedia membantu dalam mempertingkatkan pengetahuan pengajaran bahasa iaitu (90%).

RUMUSAN

Kesimpulannya, menunjukkan bahawa penggunaan multimedia interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Melayu Pengurusan amat berkesan dan berjaya mewujudkan suasana yang lebih berinovasi. Pendidik atau pensyarah memainkan peranan penting dalam menjana pemikiran para siswa untuk mempunyai daya imaginasi yang tinggi serta kreatif dalam proses pembelajaran. Kepelbagaiannya teknologi yang wujud sebenarnya mampu digunakan ke arah yang lebih positif dan berkesan dalam persekitaran proses pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya dan Abd Munaem (2010). Gaya Kepimpinan Guru Besar dan hubungannya dengan Faktor Kepimpinan di sekolah Penerima anugerah Cemerlang di Melaka. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*. Jilid 5 ms 37-62 .ISSN 1823-5891.
- Ismail Zain. (2002). *Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd
- Zamri Mohammod & Mohamed Amin (editor) (2008). *Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Publications Sdn. Bhd.